

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

Penyelamat generasi masa depan



Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bertujuan melindungi generasi muda daripada terjebak dengan tabiat merokok, selain mengurangkan kematian akibat penyakit berkait rokok.

Selain itu, ia juga diyakini dapat mengurangkan peratus perokok di Malaysia kepada kurang lima peratus menjelang 2040 berbanding kira-kira 21 peratus ketika ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Ja-

maluddin, berkata jika sasaran lima peratus tidak dicapai dalam tempoh itu, negara akan kehilangan dua juta nyawa akibat merokok, termasuk perokok pasif.

"Kita yakin dua juta mampu diselamatkan daripada kematian disebabkan penyakit berkaitan aktiviti merokok, dalam tempoh sehingga 2040 sekiranya RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 diluluskan.


"Setiap tahun banyak nyawa hilang disebabkan kematian pramatang yang berpunca daripada kesan akibat merokok," katanya.

Menurut rekod Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), tabiat merokok membunuh lebih lapan juta penduduk dunia setiap tahun, termasuk 1.2 juta perokok pasif.

Perokok pasif adalah mereka tidak merokok tetapi menghidu atau menyedut asap rokok yang dihasilkan oleh perokok aktif.

Undang-undang ini juga dapat menurunkan kes tiga penyakit utama akibat tabiat merokok iaitu barah paru-paru, sakit jantung dan penyakit paru-paru tersumbat kronik (COPD)

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

KKM jamin tubuh jawatankuasa bebas

Kaji keberkesanan undang-undang sebelum dikuatkuasakan pada 2025

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan akan menubuhkan jawatankuasa bebas untuk mengkaji Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022, sebelum dikuatkuasakan pada 2025, walaupun penilaian mandatori tidak diperuntukkan dalam undang-undang berkenaan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata KKM akan memberi perlindungan dalam undang-undang terbahit.

Mengulas lanjut katanya, kajian berhubung keberkesanan RUU itu juga akan dilaksanakan jawatankuasa bebas itu selepas tempoh 10 tahun undang-undang itu dikuatkuasakan dengan laporannya di-

bentangkan di Parlimen.

Direkod dalam hansard

"Laporan ini akan dibentangkan di Parlimen dan bukannya kepada KKM, selepas tempoh 10 tahun, kajian sama dibuat sama ada perundangan ini perlu dipinda jika tidak berkesan.

"Saya akan sebut dalam ucapan pembentangan nanti supaya ia direkodkan dalam hansard (penyata rasmi) bahawa menteri memberikan perlindungan jaminan mengenai jawatankuasa bebas ini.

"Mengetahui RUU ini, sebenarnya memang sudah ada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 contohnya membabitkan kesalahan merokok di tempat larangan.

"Jika sebelum ini, denda maksimum mengikut peraturan itu adalah RM10,000 namun untuk RUU ini ia diturunkan kepada

RM5,000. Cuma daripada aspek penjualan, kita perketatkan undang-undang... jadi kalau masih ada Ahli Parlimen tidak sokong, saya harap jangan ganggu laluan RUU ini," katanya pada sidang media, di sini.

Pada masa sama, Khairy berkata, jaminan sama turut diberikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi (PSC) Parlimen, Dr Kelvin Yip Lee Wuen, berhubung penubuhan jawatankuasa terbahit.

Katanya, sebelum ini PSC meminta supaya adanya penilaian mandatori terkandung di dalam RUU itu, selain syor lain jawatankuasa terbahit untuk dipertingkatkan tetapi gantian nikotin, tiada hukuman penjara dan rekod jenayah bagi GEG, selain memperbanyakkan program berhenti merokok dilaksanakan.



RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

Apakah itu Generasi penamat (GEG)?

GEG merujuk kepada generasi yang dilahirkan pada

1 Januari 2007
dan seterusnya

Generasi ini

TIDAK BOLEH

- ☒ Menggunakan
- ☒ menghisap
- ☒ berada dalam milikan mereka

sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik!

Apakah itu RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022?

Satu undang-undang bagi mengawal aktiviti promosi, penjualan, pembelian dan penggunaan sebarang produk tembakau termasuk rokok elektronik/vape serta larangan penggunaan produk merokok kepada generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

Kenapa Malaysia melaksanakan peruntukan GEG dalam RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022?

- Melindungi generasi muda di Malaysia daripada menjadi mangsa ketagihan produk merokok termasuk rokok elektronik/vape
- Menurunkan peratus perokok di Malaysia, kepada kurang daripada 5% menjelang tahun 2040

Sumber: Unit Kawalan Tembakau, KKM

Pelaksanaan akta dapat turunkan kes 3 penyakit utama

Dari Muka 1

Khairy juga yakin pelaksanaan akta itu kelak juga dapat menurunkan kes tiga penyakit utama berkaitan tabiat merokok iaitu barah paru-paru, sakit jantung dan penyakit paru-paru tersumbat kronik (COPD) akibat merokok.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan (KKM) berharap semua Ahli Parlimen dapat memainkan peranan mereka dengan menyokong RUU itu apabila dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, esok.

Jika diluluskan kelak, undang-undang ini akan berkuat kuasa pada 2025.

"Tidak banyak RUU di Malaysia yang boleh menyelamatkan sehingga dua juta nyawa rakyat... kita sudah pun membelanjakan lebih RM6.2 bilion pada 2020 untuk merawat tiga penyakit utama akibat tabiat merokok.

"Kalau kita mengambil tindakan kos rawatan tiga penyakit itu, ia dijangka mencecah RM8.8 bilion pada 2030 sedangkan cukai yang kita kutip daripada jualan

rokok hanya sekitar RM3 bilion.

"Tiada nilai ambang atau jumlah minimum yang selamat bagi rokok, ini adalah fakta saintifik... benda lain kalau ia diambil secara sederhana ia tidak memudaratkan seperti gula atau garam namun ia berbeza dengan rokok.

"Makan garam atau gula secara berlebihan anda seorang sahaja yang sakit, begitu juga arak, berbanding merokok yang memberi kesan kesihatan terhadap orang lain (perokok pasif)," katanya.

Berikutan itu, Khairy berharap isu pasaran haram rokok, vape dan penguatkuasaan tidak dijadikan alasan oleh Ahli Parlimen untuk tidak menyokong RUU itu.

Rabu lalu, Khairy membentangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bagi bacaan kali pertama membabitkan tiga peruntukan untuk menangani masalah merokok.

Iaitu, melarang pembelian dan penjualan produk tembakau atau e-rokok kepada mana-mana individu yang lahir pada dan se-

lepas 1 Januari 2007, keperluan pendaftaran produk merokok.

Peruntukan ketiga membabitkan kuasa menteri melarang sebarang bentuk produk merokok sekiranya terdapat situasi akut atau kritikal yang membahayakan nyawa, kesihatan atau keselamatan penduduk akibat penggunaannya.

Kawal selia produk e-rokok

Malaysia dan New Zealand adalah dua negara pertama yang membawa RUU GEG ke Parlimen masing-masing, minggu lalu.

Ketika ini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus untuk kawal selia produk tembakau, e-rokok dan vape. Rokok ketika ini dikuatkuasakan mengikut Seksyen 36 Akta Makanan 1983.

Khairy berkata, dengan pelaksanaan undang-undang itu kelak, ia bukan sahaja membolehkan kawalan rokok ada undang-undang sendiri, ia turut membenarkan kerajaan mengawal selia produk e-rokok dan vape yang berada secara tidak sah di pasaran negara kerana tiadanya pe-

raturan khusus mengawalnya.

"Tiada mekanisme perundangan untuk kawal selia rokok alaf baharu ini, sebab itu RUU ini diperlukan kerana vape sebuah industri yang tidak terkawal justeru melalui RUU ini ia bukan sahaja untuk GEG tetapi juga mengawal selia e-rokok dan vape.

"Selama ini kita kehilangan cukai sehingga RM1 bilion setahun sejak 10 tahun lalu disebabkan pasaran e-rokok dan vape yang berada di luar lingkungan undang-undang. RUU ini juga dapat sokongan industri vape kerana mereka mahu dikawal selia dan tak nak wujud dalam keadaan melanggar undang-undang.

"Pada mulanya badan bukan kerajaan (NGO) kesihatan minta kita haramkan vape (sepenuhannya) tetapi ia adalah sukar, maka saya berkompromi untuk melaksanakan GEG dan mereka akur untuk kita kawal selia vape," katanya memaklumkan proses RUU ini sudah dimulakan KKM sejak 12 tahun lalu.

Kerajaan dijangka dapat mengutip cukai sebanyak RM500 ju-

ta hingga RM1 bilion setahun daripada industri vape apabila ia dikawal selia melalui perundangan.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan e-rokok dan vape tetap tidak akan dibenarkan dalam kalangan GEG kerana KKM menolak kaedah pengurangan kemudaratkan (harm reduction) dan tidak mahu golongan yang belum mula merokok terjebak dengan rokok alaf baharu.

Beliau juga memberi jaminan apabila undang-undang itu dilaksanakan kelak tidak akan menyebabkan golongan GEG yang melakukan kesalahan memiliki rekod jenayah ataupun dikenakan penjara, sebaliknya dikompas maksimum RM50 sahaja, manakala denda maksimum RM5,000 jika dibawa ke mahkamah.

"Tiada penjenayahan (melalui undang-undang ini kepada GEG) malah sebelum ini di bawah peraturan kawalan hasil tembakau 2004, hanya kompas dikenakan bagi kesalahan penggunaan rokok bagi mereka di bawah usia 18 tahun," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 15
 RUANGAN : NASIONAL

RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

JKPK mahu pelaksanaan selaras hak kanak-kanak

Jawatankuasa bimbang peraturan disalah guna termasuk beri hukuman tidak setimpal kesalahan

Oleh Latifah Arifin
 latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Pilihan Khas Hal-Ehwal Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial (JKPK) berharap badan itu diberi peluang untuk menilai sama ada larangan, liabiliti dan penguatkuasaan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 selaras dengan Konvensyen

Hak Kanak-Kanak (CRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diratifikasi oleh Malaysia pada 1995.

Pengerusinya, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata pihaknya kluatir fasal mengenai penguatkuasaan RUU itu yang mungkin terdedah kepada penyalahgunaan, memandangkan ia membabitkan golongan bawah umur termasuk kanak-kanak.

"Merujuk kepada RUU Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok 2022 yang dibentang dan dibaca kali pertama di Parlimen pada 26 Julai lalu, JKPK menghargai aspirasi Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mencapai generasi penamat (GEG) bagi produk tembakau demi kesihatan rakyat.

"Namun, pihak JKPK kluatir fasal mengenai penguatkuasaan RUU akan membuka ruang un-

tuk penyalahgunaan dan salah tafsir serta hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan," katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan bersama lapan lagi Ahli Jawatankuasa JKPK termasuk Ahli Parlimen Rompin, Datuk Sri Hasan Arifin; Ahli Parlimen Kota Samarahan, Datuk Rubiah Wang; Ahli Parlimen Kemaman, Che Alias Hamid dan Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh.

Pertikai skop kuasa pegawai

Jelasnya, antara kebimbangan JKPK adalah berhubung fasal 24, yang memberi kuasa kepada menteri untuk melantik mana-mana individu untuk menjadi pegawai dalam penguatkuasaan akta berkenaan.

Selain itu, pihaknya turut memberi penekanan mengenai skop kuasa pegawai yang diberi kuasa menyiasat, memasuki pre-

mis, mengambil sampel, menghentikan, menggeledah dan menyita dengan atau tanpa waran dan sebagainya seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 24, fasal 26, fasal 27, fasal 28, fasal 32 dan fasal 33.

"JKPK turut gusar kerana penguatkuasaan ini membabitkan golongan bawah umur dan pengendalian golongan ini memerlukan pegawai terlatih dan mempunyai sensitiviti kanak-kanak, selaras norma antarabangsa.

"Fasal 54(1)(b) berkenaan kompaun kesalahan juga perlu diteliti dengan lebih mendalam atas implikasinya ke atas golongan bawah umur," katanya.

JKPK berharap KKM merujuk RUU berkenaan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi sebelum pembentangan di Dewan Rakyat.

"JKPK turut menyokong syor nombor 13 Jawatankuasa Pilihan

JKPK kluatir fasal mengenai penguatkuasaan RUU itu mungkin terdedah penyalahgunaan, memandangkan ia membabitkan golongan bawah umur termasuk kanak-kanak

Azalina Othman
 Said,
 Pengerusi
 JKPK



Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi yang tidak bersetuju dengan cadangan hukuman jenayah yang dikenakan kepada kesalahan yang membabitkan remaja.

"Kami sedia membantu KKM berkenaan RUU tersebut dari perspektif hak kanak-kanak sebelum bacaan kedua di Dewan Rakyat," katanya.

Rabu lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memben-

tangkan RUU itu yang mahu mewujudkan generasi bebas merokok termasuk vape bagi mereka yang lahir pada 2007 dan selepasnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tak perlu lagi isi Kad Pengembara bermula esok

KKM beri kelonggaran susulan sistem kesihatan pada tahap baik, terkawal

Kuala Lumpur: Berkuat kuasa esok, semua pengembara yang memasuki Malaysia tidak perlu lagi mengisi dan melengkapkan ciri-ciri Kad Pengembara dalam aplikasi MySejahtera, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Dalam kenyataan semalam, beliau memaklumkan kelonggaran itu diputuskan berikutan keadaan sistem kesihatan kini berada pada tahap baik dan terkawal serta bertujuan untuk me-



Pengembara baru tiba di pintu masuk antarabangsa akan melalui pengimbas suhu serta diminta mengamalkan pemantauan status kesihatan sendiri. (Foto hiasan)

mudahkan prosedur kemasukan pengembara ke negara ini.

Pantau gejala

Khairy berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan sentiasa menggiatkan aktiviti pemantauan gejala dalam kalangan pengembara di semua pintu masuk antarabangsa (PMA) Malaysia.

"Ketika ketibaan di PMA, sekiranya pengembara dikesan demam

melalui pengimbas suhu ataupun didapati tidak sihat melalui rujukan sendiri oleh pengembara, mereka akan dirujuk untuk pemeriksaan semula oleh pihak kesihatan," katanya.

Khairy berkata selepas penilaian kesihatan dibuat dan sekiranya disyaki menghidap penyakit berjangkit seperti COVID-19, monkeypox, MERS-CoV atau lain-lain, mereka akan dirujuk ke fasiliti ke-

sihatan berhampiran untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Justeru, beliau berkata semua pengembara yang baru tiba dari luar negara hendaklah mengamalkan pemantauan status kesihatan sendiri, mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dan dinasihatkan ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan sekiranya didapati tidak sihat.

BERNAMA

Jangkitan harian kembali meningkat kepada 4,860 kes

Kuala Lumpur: Sebanyak 10 kematian akibat COVID-19 direkodkan setakat tengah malam kelmarin, dengan angka jangkitan harian kembali meningkat kepada 4,860 kes berbanding 3,926 kes sehari sebelumnya.

Daripada jumlah kematian itu, Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan lima kematian, termasuk satu daripadanya kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), diikuti Johor dan Kedah masing-masing dua kes serta satu lagi korban di Sabah.

Sementara itu, laman sesawang COVIDNOW, melaporkan 4,849 kes penularan tempatan dan 11 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Jumlah berkenaan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes penularan wabak berkenaan di negara ini meningkat kepada 4,672,999 kes termasuk 37,915 jangkitan dari luar negara.

Sementara itu, jumlah keseluruhan angka kematian akibat jangkitan COVID-19 adalah 35,956 kes. Daripada jumlah itu, sebanyak 7,637 adalah kes BID.

48,300 kes aktif

Pertambahan kes baharu itu menjadikan sehingga kini terdapat sebanyak 48,300 kes aktif. Daripada jumlah itu, sebanyak 95.9 peratus atau 46,334 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selebihnya iaitu 3.9 peratus bersamaan 1,883 kes masih dirawat di hospital, 23 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), selain 60 pesakit dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk 34 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dalam pada itu, setakat tengah malam kelmarin, sebanyak 3,836 kes sembuh dilaporkan di negara ini menjadikan jumlah individu pulih daripada jang-

kitan berkenaan adalah sebanyak 4,588,743 kes.

Mengenai kadar penggunaan ICU bagi rawatan COVID-19 di seluruh negara, data menunjukkan sehingga kini ia adalah sebanyak 64.3 peratus, sementara kadar penggunaan keseluruhannya 69.2 peratus.

Bagi perincian mengikut negeri pula, penggunaan katil ICU tertinggi adalah di Kedah dengan 81.6 peratus; diikuti Johor (75 peratus), Selangor (73.8 peratus), Lembah Klang (72 peratus), Labuan (71.4 peratus), Putrajaya (70 peratus) dan Kelantan (69.6 peratus).

Ini diikuti Kuala Lumpur 67.4 peratus; Perak (66.3 peratus), Negeri Sembilan (65.3 peratus), Sabah (63.8 peratus), Melaka (58.5 peratus), Pahang (55.4 peratus), Perlis (52.6 peratus), Pulau Pinang (53.5 peratus), Sarawak (47.9 peratus) dan Terengganu, 47.6 peratus.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

KKM jamin semak semula Akta Produk Tembakau dan Merokok

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi jaminan kerajaan akan menyemak semula Akta Produk Tembakau dan Merokok 2022 sekiranya RUU itu diluluskan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, semakan itu dicadangkan dibuat selepas 10 tahun akta tersebut dikuatkuasakan.

"Perkara ini akan saya sebut dalam pembentangan di dalam Dewan Rakyat Isnin ini agar ia direkodkan dalam Senarai Pernyataan Rasmi (*hansard*)," katanya.

Menurutnya, satu jawatankuasa bebas akan diwujudkan bagi tujuan itu.

"Jawatankuasa ini akan bentangkan laporan keberkesanan akta itu kepada Jawatankuasa Parlimen supaya penambahbaikan boleh dibuat," katanya.

Beliau berkata, langkah tersebut adalah antara syor dan nasihat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC).

"Saya harap ahli Parlimen kalau ada yang tidak sokong, jangan ganggu laluan RUU ini," katanya.

Khairy berkata, setakat ini penglibatan dan sokongan ahli Parlimen adalah sangat baik.

"Secara keseluruhan, ramai ahli Parlimen yang menyokongnya. Ada antara mereka membangkitkan isu penguatkuasaan, sokong. Ada yang bangkitkan isu penguatkuasaan, rokok dan sebagainya.

"Saya beritahu kepada mereka yang mana boleh perketatkan, kita akan perketatkan dan ada garis panduan supaya tidak berlaku salah guna kuasa," katanya.

Mengulas mengenai dakwaan ada syarikat rokok (*big tobacco*) melobi ahli Parlimen berhubung dengan RUU itu,



KHAIRY

Khairy Jamaluddin mengakui perkara itu berlaku.

"Ada beberapa ahli Parlimen memberitahu (jumpa wakil syarikat rokok) saya dan cakap jangan risau, mereka akan sokong RUU," katanya.

Tegas Khairy, tindakan syarikat rokok tersebut merupakan kesalahan di bawah *The Framework Convention on Tobacco Control*.

"Mereka tidak boleh melobi atau campur tangan dalam perundangan mana-mana negara tentang kawalan tembakau.

"Kenapa kamu nak jual benda yang boleh bunuh orang dan mereka tahu rokok yang dijual itu boleh membunuh," katanya.

Menjawab persoalan berhubung kenapa kerajaan tidak melakukan tindakan

serupa terhadap arak, garam dan gula yang dilihat turut mendatangkan masalah kepada rakyat, Khairy berkata, tidak ada kuantiti selamat untuk rokok.

"Benda lain kalau ambil dengan sederhana, ia tidak akan memudaratkan.

"Makan garam, gula lebih, ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Dia sahaja yang sakit.

"Tetapi rokok, di Amerika Syarikat sahaja, puluhan ribu meninggal akibat asap rokok," katanya.

Tambah Khairy, RUU itu dilihat mampu menyelamatkan dua juta nyawa akibat kematian pramatang menjelang tahun 2040 disebabkan rokok.

"Sebab itu saya merayu kepada ahli Parlimen untuk sama-sama kita luluskan RUU ini daripada kematian pramatang disebabkan perokok, sekali gus ia juga dapat membantu menurunkan kes berkaitan rokok," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

KKM mansuh keperluan isi Kad Pengembara



Kelonggaran itu diputuskan berikutan keadaan sistem kesihatan kini berada pada tahap baik dan terkawal.

KUALA LUMPUR - Berkuat kuasa 1 Ogos, semua pengembara yang memasuki Malaysia tidak perlu lagi mengisi dan melengkapkan ciri-ciri Kad Pengembara dalam aplikasi MySejahtera.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, kelonggaran itu diputuskan berikutan keadaan sistem kesihatan kini berada pada tahap baik dan terkawal serta bertujuan untuk memudahkan prosedur kemasukan pengembara ke negara ini.

Khairy berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan sentiasa mempergiatkan aktiviti pemantauan gejala dalam kalangan pengembara di semua pintu masuk antarabangsa (PMA) Malaysia.

"Semasa ketibaan di PMA, sekiranya pengembara dikesan demam melalui pengimbas suhu ataupun didapati tidak

sihat melalui rujukan sendiri oleh pengembara, mereka akan dirujuk untuk pemeriksaan semula oleh pihak kesihatan," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Khairy berkata selepas penilaian kesihatan dibuat dan sekiranya disyaki menghidap penyakit berjangkit seperti Covid-19, cacar monyet, MERS-CoV atau lain-lain, mereka akan dirujuk ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Justeru, beliau berkata semua pengembara yang baru tiba dari luar negara hendaklah mengamalkan pemantauan status kesihatan sendiri, mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dan hadir ke fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya didapati tidak sihat. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Rokok bukan sumber utama ekonomi negara

PUTRAJAYA: Industri rokok tempatan bukan penyumbang sumber utama ekonomi dan tidak menjejaskan pendapatan negara terutama perolehan cukai.

Dalam nada sinis, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kos rawatan yang ditanggung kerajaan ke atas pesakit membabitkan tabiat merokok adalah besar daripada kutipan cukai diperoleh.

Secara umum, industri rokok sah menyumbang cukai kurang RM3 bilion setahun atau 0.18 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun lalu berbanding kos rawatan pesakit terbabit yang hampir mencecah RM6 bilion setahun.

Dari segi peluang pekerjaan kerana data Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun lepas menunjukkan cuma seramai 1,119 orang terlibat dalam industri tembakau.

Justeru, ujarnya, Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 adalah perlu bagi

mengawal selia industri tersebut dan membina generasi penamat (GEG).

"Ini belum lagi ketirisan pasaran haram jenayah penyeludupan yang menyebabkan kerajaan menanggung kerugian cukai hampir RM5 bilion setahun," katanya pada sidang akhbar di sini.

RUU itu bakal dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin ini untuk bacaan kali kedua sebelum dibahas dan pengundian pada keesokan hari dengan penguatkuasaan bermula pada 2025.

Ketika ini dianggarkan terdapat hampir 5.4 juta perokok di seluruh Malaysia dan RUU tersebut juga buat julung kali meliputi penjualan vape yang selama ini bebas tanpa ada kawal selia.

"Saya tahu ada pemain industri tembakau cuba melobi Ahli-ahli Parlimen menolak RUU ini namun kita berharap tolong fikir masa depan GEG menikmati hak sihat tanpa sakit," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

THR mampu hentikan tabiat merokok

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 89 peratus rakyat Malaysia percaya kaedah pengurangan kemudaran tembakau (THR) mampu membantu menghentikan tabiat merokok dalam kalangan perokok.

Badan pemikir bukan kerajaan, Datametrics Research and Information Sdn. Bhd. (Dare) berkata, penemuan itu hasil kajian dilakukan oleh TGZ terhadap responden dalam kalangan perokok dan bukan perokok.

Pengarah Urusan Dare, Pankaj Kumar berkata, daripada jumlah itu, seramai 77 peratus bersetuju yang vape merupakan alternatif praktikal sebagai pengganti rokok sekali gus membantu perokok mengurangkan dan akhirnya berhenti daripada aktiviti berkenaan.

Katanya, vape merupakan antara kaedah THR selain tembakau tanpa asap dan beg nikotin.

Malah, kaedah berkenaan dalam masa sama mampu membantu kerajaan mengurangkan kos rawatan penyakit yang disebabkan rokok.

"Walaupun 71 peratus responden mengakui sukar untuk berhenti merokok, namun dua pertiga daripadanya yakin vape membantu mereka berhenti mahu pun mengurangkan tabiat berkenaan.

"Malah, menurut responden, vape juga merupakan yang paling praktikal berbanding pendekatan lain," katanya dalam laporan itu.

Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira lapan juta kematian direkodkan di dunia berpunca akibat rokok sama ada barah, penyakit kardiovaskular, strok dan lain-lain berkaitan kulit serta gusi.

Pankaj berkata, penggunaan vape dikenal pasti 95 peratus kurang mudarat berbanding rokok tradisional berdasarkan kajian yang dilakukan oleh agensi kesihatan awam, Public Health England.

Di samping itu, katanya, lebih 50,000 perokok dilaporkan berjaya berhenti merokok dengan bantuan vape.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia memerlukan strategi tepat termasuk peratu-

ran dalam memanfaatkan sepenuhnya potensi vape sebagai produk yang dapat mengurangkan kemudaran seperti mana langkah yang dilaksanakan di New Zealand dan Singapura.

Menurutnya, kerangka peraturan mesti ditentukan dengan baik di samping mengambil kira manfaat kesihatan awam.

"New Zealand merupakan antara negara di dunia yang terbuka menerima e-rokok dan mempromosikan peranti itu sebagai satu cara untuk rakyatnya berhenti merokok," katanya.

Baru-baru ini, Kabinet meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) kawalan tembakau dan merokok yang melarang aktiviti merokok dan pemilikan sebarang produk berkaitan rokok termasuk jenis elektronik bagi generasi muda yang lahir selepas 2007.

Polisi dikenali sebagai *Generational End Game* (Generasi Penamat) itu telah dibentang di Parlimen, namun, langkah drastik yang diambil itu mencekutkan seribu satu persoalan mengenai keberkesanannya terutama dalam beberapa situasi terkini di negara ini.



KAJIAN mendapati lebih 50,000 perokok dilaporkan berjaya berhenti merokok dengan bantuan kaedah pengurangan kemudaran tembakau.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

'MAKE THE RIGHT DECISION'

HEALTH Minister Khairy Jamaluddin is appealing to MPs to support the Tobacco and Smoking Control Bill, or generational endgame law, that will be tabled in Parliament tomorrow for the second reading. The bill, which bans smoking and prohibits the ownership of tobacco and vaping products by those born in 2007 and after, will save an estimated two million lives up to 2040 and safeguard future generations.

» REPORTS BY ADIB POVERA ON PAGE 5

PIC BY ASYRAF HAMZAH



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

10 DEATHS

4,860 new Covid-19 cases reported

KUALA LUMPUR: Malaysia logged 4,860 new Covid-19 cases on Friday, an increase from 3,926 cases the day before.

According to CovidNow and Github data, 4,849 were local transmissions and 11 were imported.

The bulk of the cases were reported in Selangor with 1,649 infections, and 1,466 in Kuala Lumpur. Other states reported under 300 cases.

Ten deaths were recorded on Friday, including one brought-in-dead case.

Five deaths were reported in Selangor, two each in Johor and Kedah, and one in Sabah.

The death toll now stands at 35,956 since the pandemic began two years ago.

There were 48,300 active cases and 3,836 recoveries reported



People queuing to get a Covid-19 vaccine booster shot at a vaccination centre in Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur, on Friday. PIC BY DWEE AH CHUN

on Friday.

Of the active cases, 46,334 were undergoing home quarantine, 23 were at Low-Risk Covid-19 Quarantine and Treatment Centres, 1,883 were hospitalised and 60 were warded at intensive care units. A total of 34 patients in the ICU were ventilated.

As for Covid-19 vaccination, 2,583,627 adults aged above 60 have received one dose of the booster vaccine, and 151,356 have received the second booster dose.

A total of 16,137,432 adults have

received one dose of the booster dose and 336,661 have been administered with the second booster shot.

For adolescents aged 12 to 17, 2,883,960 have completed their vaccination, with 45,762 having taken their first booster dose and 237 their second booster dose.

Meanwhile, for children aged five to 11, 1,496,301 have completed their vaccination.

In total, 27,444,054 people have completed their vaccination with 16,184,192 having taken their first booster shot.

ON MYSEJAHTERA APP

Traveller's Pass not needed from tomorrow

KUALA LUMPUR: Starting tomorrow, travellers entering the country will no longer need to submit details and complete the Traveller's Pass feature on the MySejahtera application.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the relaxation followed the development of the country's current health system, which was good and under control.

The relaxation would also facilitate the entry procedures of travellers to Malaysia, he said.

However, he stressed that the ministry would continue to monitor travellers who exhibited symptoms of Covid-19, monkeypox, MERS-CoV and other infectious diseases before referring them to health facilities for further treatment.

"The ministry will continue to monitor the health symptoms of

travellers at all international ports of entry into Malaysia.

"Upon arrival, if a traveller is detected with a fever through the thermal scanners, or found to be unwell through self-referral by the traveller, they will be referred for re-examination by the Health Department," he said in a statement yesterday.

